



# جایان اسلام ساراوق

JABATAN AGAMA ISLAM SARAWAK  
Tingkat 14,  
Majma' Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah,  
Jalan P.Ramlee,  
93400 Kuching, Sarawak.

Tel : 082-507077/ 507707  
Faks : 082-507241/ 507089/ 507085

Ruj: Kami  
Tarikh

: JAIS/KIM/PMS/700-2/1/2 (05)  
: 21 Februari 2019  
16 Jamadilakhir 1440H

## SEMUA PENGERUSI JAWATANKUASA PENGURUSAN MASJID DAN SURAU SELURUH NEGERI SARAWAK

Assalamualaikum Wrt. Wbt.

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan,

### PELANTIKAN KETUA MASYARAKAT (TEMENGGONG, PENGHULU, PEMANCA) DAN KETUA KAUM SEBAGAI JAWATANKUASA PENGURUSAN (JKP) MASJID/SURAU

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklum bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Hal Ehwal Masjid Surau Negeri Sarawak (JPHEMSNS) Kali Ke-25 Bil. 1/2019 pada 4 Februari 2019 telah membincangkan isu berkenaan dan bersetuju memutuskan:

- i. Ketua Masyarakat (Temenggong, Penghulu, Pemanca) termasuklah Ketua Kaum Tidak Dibenarkan menjadi ahli Jawatankuasa Pengurusan Masjid/Surau selaras dengan Klaus 6.2, Kaedah Pengurusan Masjid dan Surau, 2004 (Pindaan 2008), yang mana Ketua Masyarakat adalah pihak berkepentingan dalam menentukan calon ahli JKP sebelum permohonan pelantikan dikemukakan kepada Majlis Islam Sarawak melalui Naqib;
- ii. Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum adalah lebih sesuai dilantik sebagai Penasihat kepada JKP Masjid/Surau yang boleh menjadi rujukan apabila JKP menghadapi sebarang kesulitan atau isu; dan
- iii. Walaubagaimanapun, Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum boleh dilantik sebagai ahli JKP atas pertimbangan JPHEMSNS dengan syarat dikemukakan permohonan rasmi bertulis dengan menyatakan sebab-sebab yang munasabah.

3. Atas perhatian dan kerjasama Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Wassalam.

“ISLAM AMALAN HIDUP”

“BERSATU BERUSAHA BERBAKTI”

“AN HONOUR TO SERVE”

(KHALIPAH BIN JULI)

b.p Pengarah

Jabatan Agama Islam Sarawak



s.k Pengarah JAIS  
s.k Semua Pegawai Agama Islam Bahagian

Mohon kerjasama tuan  
memanjangkan surat ini kepada  
semua masjid dan surau dibahagian  
masing-masing